



Tan Sri Noh Omar puji prestasi

Warga KPKT dihargai

● Prestasi memuaskan

● Penuhi tanggungjawab
dipastikan

● Hubungan silaturrahim
erat

muka2

**Utamakan
keselamatan
semasa
meraikan
Aidilfitri**

muka 3

*Selamat
Hari Raya
Aidilfitri*



TAN SRI NOH HAJI OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor,
Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor.

**Menguruskan
kebersihan bazar
Ramadhan** *muka 4*



**Memupuk
kesedaran kitar
semula di sekolah**

muka 6





SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Tan Sri Noh Omar puas hati prestasi kakitangan

Tan Sri Noh Omar dan Datuk Haji Mohammad bin Mentek turut beratur untuk mengambil juadah berbuka puasa.

Warga KPKT diraikan dalam majlis berbuka puasa

MENTERI Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar meraikan kira-kira 500 warga kementerian dalam majlis berbuka puasa di Dewan Kristal, Bangunan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Putrajaya baru-baru ini.

Pada majlis sama, beliau turut menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada kakitangan pelbagai agensi di bawah KPKT dan menunaikan solat maghrib dan isyak serta solat sunat tarawih bersama mereka.

Majlis tersebut dimulakan dengan ceramah Ramadhan yang disampaikan oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek.

Sementara itu, Noh dalam ucapannya menyatakan beliau berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan kakitangan KPKT sejak beliau mula menerajui kementerian berkenaan tahun lalu.

"Alhamdulillah, dalam tempoh setahun saya di kementerian ini, saya dapati kita semua dapat menjalankan tanggungjawab diamanahkan dan meningkatkan hubungan silaturrahim sesama warga KPKT," katanya.

Pada masa sama, beliau turut menasihatkan kepada orang ramai agar berhati-hati semasa memandu dalam perjalanan pulang ke kampung halaman pada Hari Raya Aidilfitri ini.

Noh juga berharap agar mereka memastikan kediaman masing-masing dalam keadaan selamat sebelum bertolak pulang ke kampung.



Tan Sri Noh Omar dan Datuk Haji Mohammad bin Mentek beramah mesra dengan warga KPKT yang menghadiri majlis berbuka puasa di Dewan Kristal, Bangunan KPKT, Putrajaya baru-baru ini.



Warga KPKT sempat berbual dengan Tan Sri Noh Omar dan Datuk Haji Mohammad bin Mentek semasa mereka beratur untuk mengambil makanan.

Utamakan keselamatan semasa meraikan Aidilfitri

SELAMAT Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat Malaysia yang menyambut perayaan ini khususnya mereka yang tinggal di kawasan bandar.

Mudah-mudahan Aidilfitri tahun ini disambut dengan gembira oleh seluruh umat Islam.

Dalam keseronokan menyambut Aidilfitri, kita juga perlu mengambil berat tentang aspek keselamatan.

Pastikan rumah kita dalam keadaan selamat sebelum memulakan perjalanan ke kampung halaman masing-masing.

Selain daripada memastikan rumah kita tidak dijadikan sasaran oleh penjenayah, kita hendaklah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mencegah kebakaran daripada berlaku.

Matikan semua suis dan cabut palam peralatan elektrik sebelum kita meninggalkan rumah.

Walaupun perkara ini nampak remeh, ia amat penting bagi mengelakkan kediaman dan harta kita musnah akibat kebakaran.

Semoga Hari Raya Aidilfitri kali ini dimeriahkan dengan suasana penuh keceriaan.

Selamat Hari Raya Aidilfitri



TAN SRI NOH HAJI OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor.
Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor.

Amalkan kesederhanaan ketika menyambut Aidilfitri

ALHAMDULILLAH, setelah berpuasa selama sebulan dan melakukan amal ibadah sebagai tanda mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT sepanjang bulan Ramadhan, kita kembali bersua dengan bulan Syawal yang dimulakan dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Ambillah kesempatan sempena Aidilfitri untuk mengunjungi sanak saudara dan sahabat handai yang mungkin sudah lama tidak bersua.

Selain itu, utamakan keselamatan dan patuhi peraturan lalu lintas semasa memandu dalam perjalanan pulang ke kampung.

Kita juga sewajarnya mengamalkan sikap bersederhana dalam menyambut Aidilfitri dan elakkan pembaziran khususnya dari segi pengambilan makanan

semasa menghadiri majlis-majlis rumah terbuka.

Dalam kerian kita menyambut hari raya, janganlah kita lupa dengan mereka yang kurang bernasib baik khususnya golongan miskin bandar dan lakukanlah sedaya upaya kita untuk membantu mereka.

Pada masa sama, hargailah pengorbanan anggota-anggota bomba dan pasukan keselamatan yang sanggup mengorbankan masa serta berjauhan dengan keluarga demi memastikan kita semua dapat meraikan Aidilfitri dalam suasana aman dan tenteram.

Sebelum mengakhiri bicara, saya dengan penuh rasa rendah diri dan tulus ikhlas menyusun sepuluh jari memohon ampun serta maaf andainya ada salah dan silap.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

SELAMAT Hari Raya Aidilfitri

MAAF ZAHIR DAN BATIN



DATUK HALIMAH MOHAMED SADIQUE
TIMBALAN MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



**KRITERIA
PEMILIHAN TAPAK
BAZAR RAMADHAN****KESESUAIAN TAPAK BAZAR
RAMADHAN**

✓ Jauh dari punca pencemaran seperti kawasan zon industri, tapak binaan, ladang tanaman atau ternakan, longkang dan pusat kumbahan terbuka serta jalan raya berdebu. Penggunaan api untuk memasak atau memanggang perlu jauh dari stesen minyak.

**KESESUAIAN STRUKTUR BAZAR
RAMADHAN**

✓ Gerai-gerai berkonsep individu atau berpusat perlu bersih, sanitari dan selamat. Lantai tapak bazar perlu mudah dibersihkan dan kecerunannya hendaklah ke arah longkang dan air tidak boleh bertakung atau berlopak.

BEKALAN AIR BERSIH

✓ Bazar perlu dibekalkan dengan bekalan air bersih oleh pihak Jabatan Bekalan Air Negeri. Bekalan air tidak boleh diambil dari sumber air yang belum dirawat walaupun hanya untuk membasuh peralatan memasak. Bekalan air juga tidak sesuai diambil dari tandas dengan menggunakan paip getah kerana ia boleh menyebabkan pencemaran silang.

**KEMUDAHAN TANDAS
AWAM YANG SANITARI DAN
MENCUKUPI**

✓ Sekiranya bazar berhampiran dengan kemudahan tandas awam, tandas tersebut hendaklah bersih dan sanitari serta dilengkapi sinki membasuh tangan dan sabun. Poster pendidikan kesihatan untuk peringatan penggunaan tandas adalah digalakkan.

**KEBERSIHAN PERSEKITARAN
BAZAR RAMADHAN**

✓ Sistem saliran dan perparitan
Sistem saliran dan perparitan perlu sempurna dan berpenutup. Ia harus berkecemerlangan baik dan air mengalir lancar dan tidak dihalang oleh sebarang objek.

✓ Pelupusan sisa pepejal
Pihak yang bertanggungjawab perlu memastikan sampah dikutip mengikut jadual, tong sampah awam perlulah disediakan di kawasan yang berhampiran dan menggunakan kaedah pelupusan yang sempurna dan sanitari. Tapak bazar mesti dalam keadaan bersih dan bebas daripada pembiakan lipas, lalat dan tikus.

TEMPAT LETAK KERETA

✓ Tempat letak kereta tidak terlalu hampir dengan tapak bazar dan semasa beroperasi, laluan keluar masuk kenderaan awam hendaklah dipantau PBT atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

**BAHAN PENDIDIKAN
KESIHATAN**

✓ Setiap bazar Ramadhan hendaklah memasang kain rentang yang memaparkan mesej-mesej kebersihan dan keselamatan makanan bagi mengelakkan penyakit bawaan makanan dan air.

Menguruskan kebersihan bazar Ramadhan

BAZAR Ramadhan menjadi tumpuan orang ramai untuk membeli juadah berbuka puasa. Namun, premis tersebut mudah terdedah kepada keadaan persekitaran yang tidak bersih manakala sikap peniaga yang tidak menjaga kebersihan dan pembeli yang tidak menghiraukan keselamatan makanan boleh menyumbang kepada insiden keracunan makanan.

Justeru, satu garis panduan diperkenalkan bagi memberi panduan dalam pengurusan bazar Ramadhan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mencegah dan mengawal penyakit bawaan air dan makanan. Ia juga dapat memastikan pelaksanaan aktiviti pemeriksaan premis dan pensampelan termasuk penguatkuasaan dan perundangan semasa operasi Ramadhan adalah konsisten dan seragam di semua peringkat.

Garis Panduan Pengurusan Bazar Ramadhan Edisi Pertama (2013) telah diedarkan dan diguna pakai sejak tahun 2013 oleh PKD dan sebahagian PBT. Namun, pemakaian garis panduan tersebut tidak menyeluruh di PBT-PBT seluruh negara. Garis Panduan Pengurusan Bazar Ramadhan Edisi Kedua (2016) telah dikemaskini untuk dilaksanakan oleh semua PKD dan PBT.

Tiga prinsip panduan yang digunakan adalah pencegahan serta pengawalan penyakit-penyakit berjangkit khususnya penyakit bawaan makanan dan air melalui pemastian keselamatan dan kualiti makanan, kebersihan premis serta persekitaran yang bersih dan selamat;

tanggungjawab



Lokasi bazar Ramadhan hendaklah jauh dari punca pencemaran. - Gambar hiasan.

semua stakeholder (pemegang taruh) iaitu pengusaha dan pengunjung bazar Ramadhan serta pihak berwajib menjalankan peranan masing-masing bagi memastikan pencegahan penyakit bawaan makanan dan air serta perkongsian pintar antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pensampelan makanan turut dijalankan secara rawak di gerai bazar bagi memantau sama ada makanan yang disediakan mematuhi piawaian yang ditetapkan. Prosedur pensampelan dijalankan sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh bazar beroperasi. Kebiasaannya, jenis makanan yang perlu disampel adalah makanan yang berisiko tinggi kepada pencemaran makanan. Sekiranya berlaku wabak penyakit, pensampelan semula perlu dilakukan mengikut jenis penyakit serta

arahan semasa. Pensampelan persekitaran juga perlu dilakukan. Sampel hendaklah dihantar dalam tempoh 24 jam ke makmal yang telah ditetapkan bersama borang permintaan bagi analisis sampel makanan.

Pengurusan bazar Ramadhan terbahagi kepada tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas bulan Ramadhan.

Sebelum Ramadhan, jawatankuasa bersama peringkat negeri dan daerah membuat persediaan seawal dua ke tiga bulan sebelum Ramadhan serta menyelaraskan aktiviti bersama PBT di kawasan masing-masing. Pihak kesihatan bekerjasama dengan PBT menjalankan penilaian risiko dan kesesuaian tapak bazar Ramadhan serta melakukan penambahbaikan sebelum mula beroperasi.

Data asas pengendali makanan termasuk status pemeriksaan kesihatan, suntikan pelalian tifoid dan kehadiran



Garis Panduan Pengurusan Bazar Ramadhan diperkenalkan untuk memastikan aspek keselamatan makanan dipatuhi oleh para peniaga. - Gambar hiasan.



Orang ramai sewajarnya memilih untuk membeli makanan daripada peniaga yang menjaga kebersihan sahaja. - Gambar hiasan.

kursus pengendali makanan serta data gerai yang meliputi pemiliknya, pembekal bahan mentah dan premis hendaklah dikemas kini bagi tujuan kebolehesanan (traceability).

Semasa bulan Ramadhan, semua gerai-gerai bazar di kawasan 'hot-spot' dan gerai-gerai yang berisiko tinggi wajib dibuat pemeriksaan dan pemantauan sekurang-kurangnya sekali sepanjang bulan Ramadhan. Lawatan ulangan perlu dijalankan bagi gerai-gerai yang telah diarahkan penutupan untuk memastikan arahan pembersihan dipatuhi. Pensampelan formal secara rawak dijalankan bagi kawasan 'hotspot' dan gerai yang berisiko.

Gerai-gerai bazar perlu sentiasa dalam keadaan bersih dan sampah dibuang ke dalam tong yang disediakan. Sekiranya berlaku keracunan makanan, tindakan diambil mengikut Garis Panduan Pengurusan Wabak Keracunan Makanan di Malaysia Jilid 4 Edisi ke-2 / 2006 dan Prosedur Garis Panduan Penyiasatan Keracunan Makanan berdasarkan konsep Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP).

Selepas bulan Ramadhan, pihak berwajib menganalisis dan menyediakan laporan ke atas semua tindakan yang telah diambil. Laporan dikongsi dengan agensi terlibat untuk tindakan penambahbaikan. Tindakan perundangan boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan di bawah akta dan peraturan yang berkaitan.

Senarai gerai-gerai berisiko dan kawasan hotspot bazar akan dikemas kini sebaik sahaja tamat bulan Ramadhan serta kesesuaian lokasi tapak bazar akan dinilai semula dari aspek kesihatan dan keselamatan peniaga dan pengguna.



Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

MENTERI JAWAB

1 Bagaimanakah banciaan dilakukan terhadap premis-premis Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi membendung kegiatan menyewakan unit rumah kepada pihak ketiga?

Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara telah melancarkan operasi penguatkuasaan iaitu Ops Sejahtera Komuniti yang dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama daripada pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi yang berkaitan.

Fokus utama pelaksanaan Ops Sejahtera Komuniti adalah seperti berikut:

- 1** PENYEWAAN RUMAH PPR KEPADA PIHAK KETIGA TERMASUK WARGA ASING
- 2** TUNGGAKAN SEWA BULANAN
- 3** PENYALAHGUNAAN PREMIS

Operasi ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai tahap sosial ekonomi serta keadaan persekitaran perumahan PPR termasuk aspek keselamatan, kebersihan dan keselesaan penghuni.

■ Sidang Dewan Rakyat, 14 Mac 2017

2 Berapakah jumlah unit PPR yang terlibat dalam Ops Sejahtera Komuniti sepanjang tahun 2016?

Sepanjang tahun 2016, sebanyak empat siri program penguatkuasaan Ops Sejahtera Komuniti telah dilaksanakan dengan melibatkan

3,370 unit.

PPR yang terlibat:

- 1** PPR JALAN SEGINDAI, PAPAR, SABAH
- 2** PPR JALAN PUDU ULU, KUALA LUMPUR
- 3** PPR TAMAN DAHLIA, KUAH, LANGKAWI, KEDAH
- 4** PPR TAMAN SRI STULANG, JOHOR BAHRU, JOHOR

■ Sidang Dewan Rakyat, 14 Mac 2017





Demonstrasi penggunaan bahan kitar semula.



Pertunjukan fesyen menggunakan bahan kitar semula.

Bank Kitar Semula yang disediakan di dalam kawasan sekolah.

Memupuk kesedaran kitar semula di sekolah

PELAKSANAAN program Bank Kitar Semula di Sekolah adalah bagi meningkatkan tahap kesedaran, keperluan serta kepentingan kitar semula dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah melalui pendidikan secara teori dan praktikal. Di samping itu, program berkenaan turut menggalakkan para pelajar mengamalkan konsep dan kaedah 3R melalui program yang dijalankan serta mengajar amalan kitar semula dengan lebih tepat.

Pihak sekolah dengan kerjasama pegawai Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) akan melantik dan memastikan vendor bahan lusuh datang ke sekolah mengikut jadual yang ditetapkan setiap minggu untuk mengutip barangan terpakai seperti botol plastik, tin dan kertas yang dikumpulkan oleh para pelajar dan guru.

Barangan tersebut akan ditimbang serta jumlah berat dan jualan akan direkodkan sebelum pembayaran dibuat kepada pentadbir sekolah yang seterusnya akan mengagihkan semula wang yang diperolehi kepada pelajar. Program ini secara tidak langsung dapat memupuk kesedaran bahawa bukan semua bahan buangan atau sampah perlu dilupuskan malah ia boleh menjana pendapatan tambahan untuk keluarga.

Pelbagai aktiviti melalui ceramah, taklimat dan pameran telah dilaksanakan untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada pelajar-pelajar sekolah mengenai kebersihan dan penjagaan persekitaran. Aktiviti pembelajaran secara tidak formal ini dilaksanakan melalui medium yang interaktif bagi menarik minat pelajar-pelajar sekolah.

Kelab Kitar Semula merupakan sebuah kelab yang berkonsepkan amalan 3R (Reduce-Pengurangan, Reuse-Guna Semula, Recycle-Kitar Semula). Kelab ini ditubuhkan bagi membudayakan amalan kitar semula serta melahirkan generasi sisa sifar dalam kalangan golongan muda khususnya para pelajar sekolah. Selain itu, penubuhan kelab tersebut juga bertujuan mewujudkan satu platform khusus bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan pengurusan sisa pepejal dan 3R dengan

terancang dan sistematik.

Selaras dengan itu, SWCorp telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan pada tahun 2013 dalam menghasilkan modul latihan kelab kitar semula sekolah rendah dan menengah Semenanjung Malaysia melalui penubuhan kelab kitar semula di sekolah rendah dan menengah. Modul kelab kitar semula ini merangkumi tiga aspek iaitu teori, praktikal dan aktiviti luar. Kandungan kurikulum modul kelab kitar semula terdiri daripada asas pengurusan sisa pepejal, 3R (Reuse, Reduce and Recycle), kitar semula, Bank Kitar Semula dan program perkhemahan.

Menerusi langkah holistik ini, ia secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan kadar kitar semula negara yang disasarkan mampu mencecah sehingga 22 peratus menjelang tahun 2020. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2014 sehingga akhir tahun 2016, sebanyak 4,532 kelab mengguna pakai modul latihan berkenaan.

SWCorp turut menganjurkan Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKISS) yang julung-julung kalinya diadakan pada tahun 2014. PerKISS merupakan inisiatif SWCorp untuk memberi pengiktirafan kepada sekolah-sekolah yang telah melaksanakan aktiviti kitar semula dengan cemerlang di peringkat sekolah masing-masing.

Menerusi pertandingan ini, amalan 3R yang dipelajari secara teori di peringkat sekolah dapat diterapkan dalam kehidupan mereka sekali gus melahirkan pelajar yang kritis, kreatif, inovatif dan berdaya saing setanding dengan perkembangan minda pelajar-pelajar di negara maju.

Terdapat dua kategori iaitu Kategori Sekolah Rendah dan Kategori Sekolah Menengah di mana pertandingan ini menawarkan hadiah berupa wang tunai kepada sekolah yang menjadi pemenang. Sekolah-sekolah yang menyertai pertandingan ini akan dinilai dari beberapa aspek iaitu pengumpulan barangan kitar semula tertinggi; komitmen, inisiatif dan inovasi warga sekolah dan reka cipta tong kitar semula daripada barangan terpakai.

NILAI BARANGAN YANG DIKITAR SEMULA

Tahun	Bilangan Sekolah	Berat (kg)	Nilai (RM)
2010	31	90,068.81	29,107.23
2011	110	98,054.01	32,105.82
2012	167	291,319.76	79,771.82
2013	166	206,353.78	52,906.02
2014	244	506,905.15	141,568.79
2015	147	577,651.95	313,785.90
2016	649	793,735.64	357,181.04
JUMLAH	1,514	2,564,089.10	1,006,426.62

JUMLAH KELAB KITAR SEMULA

Negeri	Bilangan Penubuhan Kelab		
	2014	2015	2016
Perlis	16	31	31
Kedah	202	184	100
Kuala Lumpur	52	90	43
Pahang	103	81	187
Kelantan	282	175	80
Terengganu	50	0	131
Negeri Sembilan	259	253	146
Melaka	139	193	278
Johor	555	141	195
Perak	44	122	123
Pulau Pinang	3	131	0
Selangor	4	70	0
Sabah	3	0	35
Sarawak	0	0	0
JUMLAH	1,712	1,471	1,349

JUMLAH PENYERTAAN DALAM PERKISS

Negeri	Jumlah Penyertaan Mengikut Tahun		
	2014	2015	2016
Perlis	5	31	22
Kedah	202	184	100
Pulau Pinang	8	8	0
Perak	4	122	76
Selangor	4	70	0
Kuala Lumpur	29	88	21
Negeri Sembilan	94	253	79
Pahang	27	81	19
Melaka	39	176	23
Kelantan	282	94	51
Terengganu	50	50	35
Johor	373	141	14
Sabah	8	5	5
Sarawak	0	0	0
JUMLAH	1,125	1,303	445

BICARA MENTERI


Bela rakyat, bukan cari publisiti

ANTARA bahan yang disiarkan sejak edisi pertama buletin ini diterbitkan pada 16 April lalu adalah bagaimana saya sebagai Menteri Kesyajjahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berusaha bersungguh-sungguh bagi membantu menyelesaikan masalah rakyat di Selangor khususnya mereka yang tinggal di kawasan pangsapuri dan perumahan kos rendah.

Usaha itu dilakukan bukan atas dasar politik atau mencari publisiti murahan tetapi semata-mata bagi memastikan kesyajjahteraan rakyat terbelas.

Justeru, tanpa mengira fahaman politik dan siapa yang mentadbir Selangor, kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan hampir RM800 juta kepada negeri itu atau dalam angka tepatnya RM761,803,058. Jumlah itu merangkumi penyelenggaraan jalan negeri, geran tahunan pihak berkuasa tempatan, bayaran perkhidmatan bagi negeri, lampu jalan dan lampu isyarat, tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesyajjahteraan hidup.

Semua bantuan diberikan secara terus kepada seluruh rakyat Selangor tanpa mengira latar belakang kaum dan agama serta siapa Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri mereka.

Tetapi malangnya ada ahli-ahli politik di Selangor tidak senang dengan pendekatan saya dan kerajaan Pusat. Sementara saya, KPKT dan kerajaan pusat melihat dari sudut meningkatkan kesyajjahteraan hidup rakyat, mereka pula melihat dari segi perspektif politik.

Sebab itulah mereka menuduh saya mencari publisiti murahan apabila mempersoalkan komitmen kerajaan

negeri dalam menyelenggarakan kemudahan di pangsapuri-pangsapuri. Saya membangkitkan persoalan bukanlah tanpa fakta tetapi berdasarkan hasil lawatan saya ke kawasan-kawasan berkenaan. Kalaulah apa yang saya nyatakan dianggap tidak betul, maka buktikan saya berbohong.

Tetapi saya yakin mereka mengetahui kegagalan kerajaan negeri dalam menguruskan perkara tersebut. Apa yang dibangkitkan hanyalah pendekatan politik alih isu bagi menutup kegagalan kerajaan negeri dalam menyelesaikan masalah kemudahan rakyat di kawasan perbandaran di Selangor.

Walaupun bagaimanapun, apa juga yang cuba dilakukan atau ditafsirkan oleh pihak-pihak berkenaan sama sekali tidak akan melemahkan semangat saya, KPKT mahupun kerajaan Pusat. Sebaliknya, melalui KPKT saya berjanji akan terus berusaha meningkatkan taraf kemudahan rakyat yang tinggal di pangsapuri-pangsapuri dan projek perumahan rakyat.

KPKT tidak akan teragak-agak terus membantu rakyat di kawasan berkenaan seperti mana saya lakukan di Rumah Pangsa Keramat AU2, Putra Perdana, PPR Lembah Subang, Desa Mentari dan perumahan-perumahan lain. Saya tidak akan duduk diam apatah lagi memekakkan telinga atau membutakan mata terhadap masalah rakyat yang diadukan kepada saya.

Berikutan itulah apabila ada ada penduduk datang mengadu kepada saya bahawa mereka menghadapi pelbagai masalah kemudahan seperti jalan rosak, lif tidak berfungsi, bumbung rumah bocor dan sebagainya saya cuba membantu sedaya mungkin.

Namun begitu keikhlasan dan kesungguhan KPKT telah dipandang serong oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti mana kenyataan Exconya, Datuk Iskandar Abdul Samad yang menganggap saya mencari publisiti murahan apabila menyatakan kerajaan negeri itu tidak mengambil berat mengenai masalah pangsapuri-pangsapuri di DUN Chempaka. Dalam soal ini, saya bukan bercakap sembrono tetapi berdasarkan aduan penduduk yang dikemukakan kepada saya semasa saya turun padang baru-baru ini.

Sebab itulah saya menasihatkan Datuk Iskandar turun dan lihat sendiri ke kawasan yang saya lawat dan bukannya hanya bijak membentangkan jumlah peruntukan yang kononnya disalurkan oleh kerajaan negeri bagi membaiki pulih pangsapuri-pangsapuri di kawasan berkenaan.

Kalau melihat kepada angka peruntukan yang disalurkan memanglah hebat tetapi semua itu hanya nampak cantik 'di atas kertas' sahaja. Saya menegaskan perkara ini memandangkan Datuk Iskandar tidak menjelaskan secara terperinci berapa banyak kos yang ditanggung oleh kerajaan negeri dalam kerja-kerja pulih tersebut.

Jika ia didedahkan, tidak keterlaluan apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor boleh dianggap hanya 'wayang kelas tertinggi'. Saya berani berkata demikian kerana KPKT menanggung semua atau 100 peratus kos membaiki pulih termasuklah menyediakan lif baharu. Selain itu, melalui program Transformasi Perumahan 1Malaysia (TP1M), kos menyelenggara perumahan strata

awam juga ditanggung 100 peratus oleh KPKT seperti mengecat semula bangunan usang.

Langkah KPKT itu jauh berbeza dengan Kerajaan Negeri Selangor yang menawarkan peruntukan bagi bantuan membaiki pulih lif hanya 80 peratus daripada keseluruhan kos manakala baki 20 peratus lagi ditanggung oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Saya menggunakan istilah 'wayang kelas tertinggi' memandangkan kalau kos membaiki pulih ialah RM100,000, JMB perlu menanggung kos sebanyak RM20,000 dan untuk makluman, majoriti JMB tidak mampu mengeluarkan belanja sebanyak itu. Keadaan ini berbeza dengan KPKT yang menanggung 100 peratus kos kerja-kerja membaiki pulih lif, tangki air dan sistem retikulasi, paip sanitari, bumbung, tangga dan susur tangga, mengecat, pendawaian elektrik, cerun, pagar, sistem AVAS dan kamera litar televisyen tertutup (CCTV), harta bersama serta infrastruktur dan kemudahan awam.


Oleh itu, kalau ada mana-mana pihak mahu terus berusaha memandangkan negatif terhadap usaha saya dan KPKT di Selangor, silakan sahaja. Apa yang lebih penting bagi saya adalah membela nasib rakyat termasuklah di Selangor. Cuma apa yang saya minta kepada Exco-Exco Kerajaan Negeri Selangor bertindak jujur kepada rakyat, janganlah cuba menutupi kelemahan dengan mempolitikkan masalah rakyat yang tidak mampu mereka selesaikan.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesyajjahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO



Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek bersama kakitangan yang menghadiri majlis berbuka puasa di Dewan Kristal, Bangunan KPKT, Putrajaya baru-baru ini.



Tan Sri Noh Omar bersama penduduk Kuala Langat, Selangor mengacau dodol dalam Program Kacau Dodol anjuran Majlis Belia Kuala Langat pada 16 Jun lalu.



Pengerusi Persatuan Kontraktor-kontraktor Bumiputera Pembersihan dan Pengurusan Sisa Pepejal (PERKON) Wilayah Persekutuan, Mahamad Hussin Dato' Ab. Wahab menyampaikan sumbangan Program Kemanusiaan Ihya Ramadhan untuk rumah anak yatim kepada Pengerusi Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Cawangan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datin Hajah Hairani Mohd. Tajudin. Acara itu turut disaksikan oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique; Datuk Haji Mohammad bin Mentek dan Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp, Datuk Dr. Zulkapli Mohamed.

Tan Sri Noh Omar menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada warga emas selepas menyempurnakan Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Perdana 1438H/2017M anjuran Pergerakan Wanita UMNO di Tanjong Karang, Selangor pada 18 Jun lalu.





Pemegang lesen melalui pelelong yang dilantik perlu membuat permohonan secara bertulis kepada Pendaftar dengan mengemukakan senarai sandaran, cadangan tarikh, masa dan tempat lelongan yang akan dijalankan.

Lanjutan masa perlu persetujuan pemajak, pemegang lesen

PUAN Aminah (bukan nama sebenar) amat memerlukan wang untuk membiayai perbelanjaan sekolah anaknya dan dia telah menyandarkan seutas rantai emas untuk dipajak di sebuah kedai pajak gadai berlesen (pemegang lesen).

Berdasarkan timbangan berat rantai berkenaan dan lain penilaian, kedai pajak gadai itu bersetuju untuk meminjamkan wang sebanyak RM1,200 kepada Puan Aminah dengan meletakkan rantai emas tersebut sebagai sandaran.

Berdasarkan situasi tersebut, sesuatu sandaran boleh dipajak bagi tempoh enam bulan atau suatu tempoh yang lebih lama, tertakluk kepada persetujuan antara pemajak dan pemegang lesen.

Pemajak boleh memohon untuk melanjutkan tempoh masa pajakan mereka dengan persetujuan pemegang lesen. Seksyen 19 Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) membenarkan tempoh masa pajakan dilanjutkan sekiranya pemajak tidak berkemampuan untuk menebus sandaran dengan syarat pemajak telah membayar keuntungan atas pajakan yang dikenakan bagi maksud pemajagadaian tersebut.

Jika pemegang lesen bersetuju, tempoh masa lanjutan tersebut hendaklah tidak kurang dari tiga bulan dari tarikh tamat pemajagadaian asal. Namun, peruntukan ini tidak menetapkan bilangan lanjutan yang dibenarkan asalkan ia dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Sandaran yang dipajak di premis pajak gadai berlesen tidak boleh dijadikan hak milik pemegang lesen melainkan jika sandaran tersebut digadaikan untuk sejumlah wang kurang daripada RM200. Perkara ini selaras dengan peruntukan Seksyen 23(1) Akta 81.

Bagi setiap sandaran yang digadaikan untuk sejumlah wang lebih daripada RM200, sekiranya tidak ditebus sebelum tamat tempoh enam bulan dari tarikh pemajagadaian (atau sesuatu tempoh lebih lama sebagaimana yang diper-

setujui di antara pemegang lesen dan pemajak) atau tiada sebarang lanjutan tempoh dibuat, sandaran tersebut perlu dilupuskan melalui kaedah lelongan awam yang dikendalikan oleh seorang pelelong berlesen sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 81.

Pemegang lesen bebas untuk memilih mana-mana pelelong berlesen mengikut negeri mereka beroperasi sahaja. Lesen Pelelong dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di setiap negeri dan pelelong wajib mematuhi tatacara lelongan yang diperuntukkan mengikut Peraturan 14, Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pe-

lesenan) 2004.

Sesi lelongan awam perlu diadakan pada tujuh hari pertama dalam sesuatu bulan. Setiap sesi lelongan ini perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pendaftar Pemegang Pajak Gadai di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Pemegang lesen melalui pelelong yang dilantik perlu membuat permohonan secara bertulis kepada Pendaftar dengan mengemukakan senarai sandaran, cadangan tarikh, masa dan tempat lelongan yang akan dijalankan.

Setelah mendapat kelulusan Penda-

tar, pelelong akan membuat hebahan melalui iklan sama ada menerusi akhbar-akhbar atau notis di tempat-tempat awam sebelum sesi lelongan awam diadakan bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk membida mana-mana sandaran pilihan mereka.

Lelongan awam perlu diadakan di tempat yang terbuka bagi membolehkan orang awam menjadi pembida. Orang-orang yang berminat untuk menjadi pembida awam perlu mendaftar dengan pelelong yang dilantik terlebih dahulu dan mematuhi peraturan-peraturan dalaman (house rules) yang digariskan oleh pelelong.



Pemajak boleh memohon untuk melanjutkan tempoh masa pajakan mereka dengan persetujuan pemegang lesen. - GAMBAR HIASAN



MKAA memberi tumpuan terhadap usaha meningkatkan kesedaran orang ramai tentang aspek keselamatan ketika melakukan aktiviti di kawasan berair.
- GAMBAR HIASAN

MKAA utamakan keselamatan di air

RENTETAN insiden mati lemas yang dilaporkan semakin meningkat setiap tahun, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil tindakan menubuhkan sebuah badan keselamatan iaitu Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA).

Hasil analisis yang dibuat secara amnya mendapati insiden yang melibatkan kejadian lemas di negara ini berpunca daripada kurangnya kesedaran dan maklumat berhubung keselamatan di kawasan berair. Sehubungan itu, Kabinet telah meluluskan cadangan penubuhan MKAA pada 20 Januari 2016.

MKAA merupakan sebuah badan yang berperanan dalam merancang pelan strategik berhubung aktiviti-aktiviti di badan air.

Menyedari kepentingan dalam menangani isu mortaliti dan morbiditi yang berpunca daripada aktiviti air, pelbagai

pihak yang mewakili kerajaan, agensi swasta, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pihak Berkualiti Tempatan (PBT) dan kerajaan negeri menyambut baik penubuhan MKAA malah turut komited dalam menyumbang idea, tenaga serta kepakaran.

Matlamat MKAA adalah untuk menggalakkan kesedaran keselamatan di air secara holistik dan komprehensif merangkumi segenap lapisan masyarakat dan setempat.

Tiga bidang fokus utama yang menjadi tonggak dalam menggubal pelan strategik MKAA adalah data dan penyelidikan, penguatkuasaan dan pendidikan. Justeru, satu bengkel penyediaan Pelan Tindakan Aktiviti Air 2016-2020 telah diadakan pada 14 hingga 15 Februari 2017 yang melibatkan pelbagai kementerian, jabatan, agensi swasta, PBT dan NGO bagi merangka dan merancang program

keselamatan aktiviti berdasarkan kepada tiga bidang fokus utama tersebut.

Dalam pada itu, Bahagian Dasar dan Inspektorat, selaku urus setia turut merancang untuk mengadakan Program Keselamatan Aktiviti Air Bersama Timbalan Menteri, Datuk Halimah Mohamed Sadique. Beberapa tinjauan tempat telah diadakan bagi tujuan pemilihan lokasi pelaksanaannya. Program ini mendapat sokongan penuh daripada Datuk Halimah sendiri kerana ianya adalah satu platform untuk menghebahkan kewujudan MKAA sekali gus merealisasikan objektif penubuhannya.

Secara keseluruhannya, penubuhan MKAA akan memberi impak yang positif baik kepada masyarakat mahupun negara menerusi pelaksanaan program, penguatkuasaan undang-undang dan penggubalan garis panduan pada masa akan datang.

OBJEKTIF MKAA

- Meningkatkan kesedaran, penyelamatan dan usaha untuk mengurangkan insiden kejadian lemas di rumah, tempat kerja, pengangkutan air dan rekreasi di mana-mana badan air.
- Meningkatkan kesedaran dan menggalakkan rakyat mengamalkan budaya selamat ketika menjalankan aktiviti di air, sama ada bersukan ataupun rekreasi.
- Memastikan dan menggalakkan reka bentuk seni bina yang sesuai dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan dan peralatan yang diperlukan berkaitan aktiviti di air.
- Menyelaras pengumpul data-data bagi kejadian kelemasan air di Malaysia.

STATISTIK KEMATIAN AKIBAT LEMAS

Tahun	Bil. Kematian
2014	316 orang
2015	335 orang
2016	260 orang
Jumlah	911 orang

393 kes

kematian pantai, tasik & lombong

518 kes

kematian sungai & tali air



Salah satu objektif penubuhan MKAA adalah untuk memastikan dan menggalakkan reka bentuk seni bina yang sesuai dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan serta peralatan yang diperlukan berkaitan aktiviti di air.
- GAMBAR HIASAN

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
http://ikepoh.kpkt.gov.my/

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
http://www.aduansisa.my/

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Kaviti punca dahan pokok mereput

MERUJUK kepada aduan yang disiarkan dalam akhbar Berita Harian bertajuk 'Pokok reput tak diselenggara jadi perangkap maut' dan 'Pelajar maut ditimpa dahan pokok' yang berlaku di Jalan Pengkalan Minyak, Ayer Molek, Melaka pada 5 Mei 2017.

Pada 4 Mei 2017, kira-kira jam 7.15 pagi, salah seorang anggota Jabatan Pengindahan Bandar yang dalam perjalanan ke tapak semaian Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah melihat insiden kemalangan di mana dahan sekah berdekatan dengan lokasi tersebut telah menghempap seorang penunggang motosikal yang menghala ke arah Ayer Molek.

Mangsa yang berasal dari Kampung Kelubi, Jasin dan berusia 17 tahun merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kota menaiki motosikal Yamaha Y15ZR disahkan maut di tempat kejadian. Kenderaannya mengalami kemek pada bahagian hadapan. Kerja-kerja pembersihan telah dilakukan oleh anggota bomba dan unit cantasan MBMB.

Hasil siasatan mendapati pokok yang terlibat adalah pokok kedondong hutan (spondias pinnata) di mana pangkal dahannya telah sekah. Usia pokok tersebut dianggarkan mencecah lapan tahun.

Berdasarkan pemantauan yang dijalankan sebelum kejadian berkenaan berlaku, struktur fizikal pokok didapati berada dalam keadaan yang baik dengan kulitnya tidak menampakkan sebarang tanda-tanda jangkitan dan daunnya dalam keadaan subur.

Walau bagaimanapun, pihak jabatan telah membuat pemeriksaan pada hari kejadian dan mengenal pasti punca



Keadaan dahan pokok yang sekah dan telah dijangkiti kaviti dan anai-anai.

dahan sekah iaitu pokok tersebut telah dijangkiti kaviti yang menyebabkan struktur dahan pokok tersebut tidak kukuh.

Tambahan pula, hujan lebat yang berterusan sehingga lebih kurang pukul 7 pagi boleh dijadikan sebagai faktor penyebab dahan sekah. Pihak jabatan juga telah memeriksa beberapa batang pokok kedondong hutan yang lain dan mendapati masalah yang sama seperti kaviti selain diserang anai-anai yang menyebabkan sebahagian permukaan pokok tersebut rapuh. Penyelenggaraan terakhir yang dibuat adalah pada bulan Jun tahun lepas.



Keratan akhbar Berita Harian bertarikh 5 Mei 2017.



Mangsa yang meninggal dunia di tempat kejadian.

**ALBUM
BULETIN
BANDAR**



Pejabat SSM Alor Setar, Kedah.



UTC Kuantan, Pahang.



Kangar, Perlis.



Pasar Tani Shah Alam, Selangor.



Senawang, Negeri Sembilan.



PERBANDINGAN STATISTIK OPS RAYA

2015



KEBAKARAN

9

DISELAMATKAN



PENYELAMATAN

138

DISELAMATKAN



KEMALANGAN JALAN RAYA

103

DISELAMATKAN

Penyelamatan

merujuk kepada bilangan operasi seperti yang terperangkap dalam lif, bilik, rumah atau bangunan, tersepit mesin dan lain-lain selain khidmat kemanusiaan yang melibatkan nyawa

2016



KEBAKARAN

48

DISELAMATKAN



PENYELAMATAN

151

DISELAMATKAN



KEMALANGAN JALAN RAYA

119

DISELAMATKAN

@bombaJBPM
@kpkt_gov

www.bomba.gov.my
www.kpkt.gov.my

bomba_malaysia
kpkt

Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia
KPKT Malaysia



5 FAKTA TENTANG SISA MAKANAN

1

40% dari Sisa Pepejal adalah sisa makanan iaitu sebanyak **15,000 tan** sehari

2

15,000 tan sisa makanan boleh memberi makan kepada **11 juta orang** untuk **3 kali** hidangan sehari

3

20% daripada **15,000 tan** sisa makanan adalah yang boleh dielakkan untuk dibuang seperti nasi, roti dan susu

4

1/4 daripada makanan dibazirkan semasa proses penyediaan, pengeluaran dan penggunaan

5

Sisa makanan meningkat **15-20%** pada sambutan bulan perayaan seperti bulan **Ramadhan** dan **Tahun Baru Cina**

swcorpMY SWCorp_My SWChannel

www.kpkt.gov.my @kpkt_gov KPKT Malaysia KPKT Malaysia KPKT

Aksi bertenaga Rufino dalam perlawanan persahabatan menentang Negeri Sembilan di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi pada 17 Jun lalu. - Ihsan FAS.



faselangor.my



The Red Giants masih mencari keserasian

JURULATIH The Red Giants, P. Maniam yakin anak-anak buahnya berupaya membentuk keserasian bermain sebagai satu pasukan walaupun mereka tewas dalam dua perlawanan persahabatan baru-baru ini.

UiTM FC mengatasi Selangor 2-0 dalam pertemuan di Stadium UiTM, Shah Alam pada 14 Jun lalu manakala pertembungan antara Selangor dengan Negeri Sembilan di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi pada 17 Jun lalu menyaksikan keputusan memihak kepada tuan rumah dengan jaringan 5-3.

Maniam percaya keserasian itu dapat dicapai sebaik sahaja saingan Liga Super musim ini diteruskan dengan pertembungan menentang T-Team di Stadium Majlis Perbandaran Selayang pada 1 Julai

depan.

Beliau juga yakin dengan kemampuan penyerang import kelahiran Sepanyol, Rufino Segovia del Burgo untuk menyumbang secara positif terhadap corak permainan pasukan.

"Perlawanan menentang UiTM FC menyaksikan penampilan sulung Rufino bersama Selangor dan dia juga sedang dalam proses mewujudkan keserasian dengan rakan sepasukan.

"Secara positif, saya melihat para pemain mempamerkan corak menyerang yang agresif seperti yang



P. Maniam

menyerang bilan manakala satu lagi gol Selangor dijaringkan oleh Halim Zainal.

ki," katanya.

Maniam menambah, Rufino sedang membentuk persefahaman yang baik dengan rakan sepasukan dan berpotensi untuk muncul sebagai penyerang berbisa dalam Liga Super.

"Dia juga mempunyai kualiti seorang penyerang yang rajin dalam membantu rakan sepasukan di bahagian pertahanan," jelasnya.

Rufino menyumbangkan dua gol dalam perlawanan persahabatan menentang Negeri Sembilan manakala satu lagi gol Selangor dijaringkan oleh Halim Zainal.



**KEDUDUKAN
LIGA SUPER 2017**

PASUKAN	P	M	S	K	J	K	MATA
JDT	13	9	3	1	29	11	30
Pahang	13	7	3	3	31	17	24
Kedah	13	6	6	1	27	18	24
Perak	13	4	6	3	18	22	18
Kelantan	13	6	2	5	26	21	17
SELANGOR	13	4	5	4	17	16	17
Felda	13	4	5	4	16	15	17
T-Team	13	5	4	4	19	21	16
PKNS	13	2	5	6	22	26	11
Sarawak	13	2	5	6	12	18	11
Melaka	13	2	5	6	13	28	11
P. Pinang	13	1	3	9	10	27	6

Setakat 20 Jun 2017

Kuartet wanita lebur rekod 4x100 meter

KUARTET 4x100 meter wanita negara mula mempamerkan taring menjelang Sukan SEA 2017 setelah memperbaharui rekod kebangsaan acara tersebut dalam Kejohanan Olahraga Terbuka Thailand di Bangkok baru-baru ini.

Shereen Samson Vellabouy, Siti Fatimah Mohamad, S. Komalam Shally dan Zaidatul Husniah Zulkifli meraih emas dalam acara tersebut dengan menamatkan perlumbaan dalam masa 45.19 saat.

Catatan itu memperbaha-

rukan rekod lama 45.32s dilakukan Zaidatul Husniah, S. Komalam Shally, Siti Fatimah dan Nurul Faiza Mazlan dalam Kejohanan Olahraga Terbuka Singapura tahun lepas.

Jurulatih pecut negara, M. Balamurugan berkata, rekod baharu itu telah meningkatkan tahap keyakinan dalam kalangan pelari wanita tersebut untuk meraih keputusan positif dalam Sukan SEA 2017, Ogos ini.

"Saya memang jangka mereka mampu untuk memperbaharui rekod kebangsaan dalam acara

4x100m sewaktu kejohanan ini dan mereka telah membuktikannya.

"Secara jujur saya amat gembira dengan pencapaian mereka dengan kejayaan mencipta rekod baharu kebangsaan. Saya juga percaya kuartet ini mampu menjadi lebih baik lagi dalam Sukan SEA nanti," katanya.

Malaysia menewaskan Thailand yang meraih pingat perak dengan catatan 45.29s manakala gangsa menjadi milik Singapura yang mencatat 45.65s.



(DARI KIRI) Zaidatul Husniah Zulkifli, S. Komalam Shally, Siti Fatimah Mohamad dan Shereen Samson Vellabouy meraikan kejayaan memenangi pingat emas dan rekod baharu 4x100m kebangsaan ketika menyertai kejohanan Terbuka Thailand di Bangkok, baru-baru ini.

Hasil program turun padang Tan Sri Noh Omar

Kerosakan bumbung Pangsapuri Melor akan dibaiki

KEROSAKAN bumbung di Pangsapuri Melor di Gombak Jaya akan dibaiki menerusi peruntukan sebanyak RM500,000 yang disalurkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar mengumumkan kelulusan peruntukan itu semasa mengadakan program turun padang di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Gombak iaitu Batu Caves, Gombak Setia dan Hulu Kelang.

Beliau juga melihat sendiri kerosakan bumbung di pangsapuri berusia 27 tahun itu melalui imej yang diambil dengan menggunakan teknologi dron.

"Saya menggunakan teknologi dron untuk melihat keadaan bumbung di Pangsapuri Melor, sedih melihat keadaan rumah yang tidak diberi pembelaan oleh pihak bertanggungjawab," katanya ketika mengadakan program turun padang ke tiga kawasan DUN berkenaan baru-baru ini.

Yang turut hadir, bekas Naib Yang Dipertuan Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Selangor, Tan Sri Zaleha Ismail; Ketua UMNO Bahagian Gombak, Abdul Rahim Kamarudin dan Koordinator Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia, Datuk Megat Zulkarnain Omdin.

Sementara itu, Noh turut mengumumkan kelulusan peruntukan sebanyak RM700,000 bagi membaik pulih sistem kumbahan di Pangsapuri Taman Samudera.



Tan Sri Noh Omar dan Datuk Megat Zulkarnain Omdin mendengar aduan penduduk semasa program turun padang di sekitar kawasan Parlimen Gombak baru-baru ini.

"Air kumbahan melimpah dengan bau busuk yang mengganggu penghuni. Saya bersimpati dengan keadaan ini.

"Jadi, saya meluluskan peruntukan sebanyak RM700,000 untuk membaiki sistem kumbahan," jelasnya.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor turut mengumumkan kelulusan peruntukan sebanyak RM500,000 untuk membina sebuah gelanggang futsal berbumbung di Gombak Setia.



Sistem kumbahan yang rosak di Pangsapuri Taman Samudera akan dibaiki menggunakan peruntukan RM700,000 daripada KPKT.

Masalah kerosakan bumbung Pangsapuri Melor akan dibaiki melalui peruntukan sebanyak RM500,000 daripada KPKT.



Keadaan bumbung Pangsapuri Melor yang rosak.

Penduduk hargai bantuan Kerajaan Persekutuan

KEPRIHATINAN Kerajaan Persekutuan yang ditunjukkan melalui peruntukan RM500,000 yang diluluskan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar bagi membaik pulih kerosakan bumbung Pangsapuri

Melor di Taman Gombak Jaya amat dihargai oleh para penduduk.

Ucapan penghargaan itu disuarakan oleh Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Melor, Nazri Che Ani (gambar) baru-baru ini.



Menurut beliau, peruntukan yang diumumkan oleh Noh itu sekali gus mengakhiri masalah yang dihadapi penduduk sejak lebih 10 tahun lalu.

"Bumbung pangsapuri yang berusia 27 tahun ini sudah rosak teruk sehingga menyebabkan air memasuki rumah kami setiap kali hujan lebat atau angin kencang melanda.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana bersikap prihatin terhadap masalah rakyat," katanya.

Nazri menambah, surat aduan telah dihantar kepada pihak bertanggungjawab sebelum ini namun masih belum ada tindakan diambil untuk menyelesaikan masalah kerosakan bumbung.



MKAA utamakan keselamatan di air *muka 11*

Buletin



NEGARAKU

Bandar

19 - 25 JUN 2017 • 24 RAMADHAN - 1 SYAWAL 1438



Lanjutan masa perlu persetujuan pemajak, pemegang lesen *muka 10*



Kesejahteraan rakyat Gombak diabaikan

"Saya menggunakan teknologi dron untuk melihat keadaan bumbung di Pangsapuri Melor, sedih melihat keadaan rumah yang tidak diberi pembelaan oleh pihak bertanggungjawab."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15

Bumbung rosak teruk, air kumbahan melimpah



Kaviti punca dahan pokok mereput *muka 12*



Kuartet wanita lebur rekod 4x100 meter *muka 14*